

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : EKONOMI**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**  
**GRED JAWATAN/GAJI : E29, E32, E38, E40**  
**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lulus prinsipal subjek Ekonomi atau Matematik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,493.00); atau
    - (ii) diploma dalam bidang statistik, matematik atau sains aktuari yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,770.95).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perangkaan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a)
    - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
    - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred E29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA/PEPERIKSAAN**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED E32**

11. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED E38**

12. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E38 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED E40**

13. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E40 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PERANGKAWAN GRED E41**

14. Penolong Pegawai Perangkaan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Perangkawan Gred E41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perangkaan yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 32 Tahun 2007).